

# Bon syariah dicadang jadi produk pasaran Asia

UM - 8 JUL 2003

Daripada  
**ZULKEFLI HAMZAH**

**J**AKARTA 7 Julai -- Malaysia mencadangkan bon syariah menjadi salah satu produk pasaran bon Asia yang kini pembentukannya sedang digubal oleh ASEAN+3 (Jepun, Korea dan China), kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaludin Jarjis.

Menurutnya, Malaysia yang merupakan satu-satunya negara yang memperkenalkan bon syariah yakin produk ke-

wangan Islam berkenaan dapat mengukuhkan lagi aliran tunai pasaran bon Asia.

"Kita mempunyai kepakaran dalam hal ini dan jika cadangan itu diterima ia menjadi satu-satunya produk kewangan Islam yang dapat dikembangkan di peringkat serantau," katanya.

Beliau menambah selain bon syariah, pasaran bon Asia juga mempunyai produk konvensional lainnya seperti pasaran bon yang ada di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

Jamaludin menyatakan

demikian kepada wartawan Malaysia selepas berakhirnya Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM-FMM) Kelima di sini yang dihadiri oleh 10 negara Asia dan 14 negara Eropah.

## Menyo kong

Pada mesyuarat ASEM-FMM Kelima ini, negara-negara Eropah sepakat untuk menyokong pembentukan pasaran bon Asia. Ia merupakan gagasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dipersetu-

jui dalam mesyuarat ASEAN+3 di Chiangmai, Thailand tahun lalu.

Jepun yang turut hadir pada mesyuarat berkenaan telah menyatakan komitmen untuk mengambil peranan penting dalam menyediakan infrastruktur agar pasaran bon Asia dapat dibentuk secepat mungkin.

Sistem kewangan syariah kini semakin popular di mana Indonesia yang merupakan negara penduduk Islam terbesar dunia sedang mengembangkan perbankan Islam dengan kerjasama Malaysia.

Jamaludin menjelaskan walaupun bon syariah merupakan produk dari sistem kewangan Islam tetapi ia boleh dibeli oleh orang bukan Islam sebagaimana produk-produk perbankan yang banyak ditawarkan oleh bank-bank di Malaysia.

"Melalui produk ini, sumber dana bertambah luas kerana negara-negara Islam boleh turut melabur dan ini akan dapat mengukuhkan lagi aliran tunai dalam pasaran bon Asia," katanya. —

*Utusan*